



PERAK MAN

Mempopularkan Muzium Arkeologi Lembah Lenggong

MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG ATAU MUZIUM ARKEOLOGI KOTA TAMPAN YANG TERLETAK DI KAWASAN LADANG KELAPA SAWIT LENGGONG, HULU PERAK SANGAT TERKENAL DISEBABKAN OLEH PENEMUAN BARANG BERSEJARAH, IAITU RANGKA MANUSIA YANG TERTUA DI MALAYSIA YANG DIKENALI SEBAGAI ORANG PERAK ATAU PERAK MAN. PENEMUAN RANGKA YANG BERUSIA ANTARA 10 RIBU HINGGA 11 RIBU TAHUN INI TERUS MENDAPAT PERHATIAN RAMAI SEKALI GUS MEMPOPULARKAN MUZIUM INI SEHINGGA MEMBUKA MATA PENCINTA SEJARAH DUNIA.

Rangka yang ditemui di sebuah gua yang dinamakan Gua Gunung Runtuh ini pada tahun 1991 terus menggemparkan dunia arkeologi sehingga menyebabkan pelbagai kajian dan penyelidikan dilakukan

antaranya Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia (MARC) Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia. Mereka terus mengkaji rangka Perak Man yang dikatakan

sebagai rangka tulang manusia dari zaman batu era paleolitik. Rangka yang dikatakan memiliki kecacatan sejak lahir ini terus dikumpulkan dan dibuat kajian hingga kini malah turut dipaparkan



Kad pengenalan Perak Man.

GALERI ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG



Hasil kraf tangan orang asli.

Blok bangunan yang dihiasi batu-batu mencantikkan lagi pemandangan.



Replika batu, tanda jalan menuju ke muzium.

dan diberikan kad pengenalan diri. Dengan penemuan itu juga, para pengkaji telah menemui beberapa lagi kawasan di Lembah Lenggong yang amat kaya dengan gua dan bukit batu kapur. Hal ini menyebabkan Lenggong yang terletak sekitar 100 kilometer ke utara bandar Ipoh, menjadi tempat yang amat berharga dan "permata" di Hulu Perak.

Oleh sebab itu jugalah, generasi muda harus tahu dan terus didedahkan dengan muzium ini kerana memiliki banyak tinggalan sejarah awal penempatan dan ketamadunan manusia. Keadaan ini juga membolehkan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mewartakan warisan arkeologi yang ditemui itu sebagai satu daripada Tapak Warisan Dunia pada 30 Jun 2012. Memang, pewartaan ini ternyata satu pengiktirafan yang terus mengukir nama Malaysia dalam peta arkeologi dan pelancongan dunia yang harus dilawati. Yang istimewanya, penyeneraian ini juga

menjadikan muzium ini sebagai Tapak Warisan Dunia ke-953 dan Tapak Warisan Dunia yang keempat di negara ini.

Jelas dan terbukti bahawa Lenggong ialah sebuah daerah yang banyak menyumbang data kepada pengetahuan prasejarah negara dari 1000 hingga 300 ribu tahun dahulu berdasarkan interpretasi budaya material dan teknologi zaman paleolitik masyarakat kuno dan pada masa yang sama turut mempopularkan banyak lagi gua tinggalan sejarah seperti Gua Kajang, Bukit Jawa, Bukit Sapi dan Bukit Bunuh kepada orang luar.

Jika melawat ke sini, jalan masuknya terdapat sebuah tanda arah yang diukir bersamasama batu besar untuk menarik perhatian ramai. Apabila sampai di sana, kita akan dapati muzium ini mempunyai dua tingkat dan sering kali dibuat penyelenggaraan dari tahun ke tahun. Di tingkat bawah banyak mempamerkan artifak yang ditemui di Lembah Lenggong seperti batu, tembikar, perkakasan harian dan sebagainya. Turut adanya penerangan tentang sejarah kewujudan manusia mengikut zaman dan batu-batu yang dijumpai seusia pada zaman itu.

Di tingkat atas pula lebih menumpukan penerangan mengenali Lembah Lenggong. Turut dikongsikan tentang

tamadun manusia dan juga Malaysia pada zaman sekarang. Bahkan turut dipamerkan salinan sijil yang menunjukkan Lembah Lenggong diiktiraf sebagai satu daripada tapak warisan dunia sehinggakan pengunjung yang berasal dan lahir di negeri Perak pasti berbangga. Sebuah menara tinjau juga terdapat di belakang muzium ini. Apabila berada di menara empat tingkat ini, pengunjung sudah pasti melihat kawasan sekeliling termasuk Sungai Perak dan



Plak tanda Tapak Warisan Dunia.

kehijauan pokok kelapa sawit yang mengelilingi kawasan muzium. Sangat menarik dan mengujakan sesiapa sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana di kebanyakan tempat, muziumnya sudah pasti terletak di tengah-tengah bandar atau kota bagi memudahkan orang ramai berkunjung. Akan tetapi, di muzium ini sangat lain daripada yang lain kerana terletak betul-betul di tengah bekas ladang kelapa sawit dan dikelilingi oleh pokok-pokok hijau serta jauh daripada

Jika diikuti, muzium ini tidaklah ramai pengunjung tempatan yang hadir bagaikan ada pesta jualan. Akan tetapi, pada setiap hari ada sahaja tetamu yang hadir dan sesekali ada kelihatan pelancong asing begitu khusyuk membaca bahan sejarah yang dipamerkan bahkan turut membuat catatan.

hiruk-piruk kenderaan yang lalu-lalang. Sangat sunyi dan sepi apabila berkunjung ke sini. Bebas daripada sebarang pencemaran.

Muzium ini mula ditubuhkan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada tahun 1999. Muzium ini siap pada tahun 2000 dan telah dibuka kepada orang awam pada tahun 2001. Luas kawasan muzium ini dianggarkan 8.16 ekar dan telah dibangunkan di atas tanah seluas dua ekar dengan dua blok bangunan yang mempunyai dua galeri pameran, pejabat, bilik audio visual, bilik mesyuarat dan bilik penyelidikan. Para pengunjung boleh melawat muzium ini pada hari Isnin hingga Ahad antara pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Pada hari Jumaat pula, muzium ini dibuka antara pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Kemudian ditutup seketika dan akan dibuka semula pada pukul 3.00 hingga 5.00 petang.

Di sini terdapat banyak artifak dan maklumat tentang zaman prasejarah terutama yang berkaitan dengan kawasan di




Aktiviti lawatan ke muzium membantu masyarakat memahami khazanah sejarah budaya bangsa.

sekitar Lenggong. Apabila melawat galeri utama, pengunjung dapat melihat dan membaca tentang pengenalan arkeologi, teknologi, paleolitik, Perak Man, Gua Gunung Runtuh, Gua Teluk Kelawar, Gua Harimau, lukisan yang terdapat pada gua, orang asli dan sebagainya. Maklumat ini dinyatakan dengan jelas, dibuktikan dengan gambar serta penerangan yang cukup jelas.

Terdapat pelbagai koleksi yang menarik minat pengunjung seperti alat batu zaman paleolitik, alat bifas dan unifas, peralatan untuk penyelidikan, koleksi barangan masyarakat orang asli serta corak kehidupan manusia prasejarah. Selain itu juga, pengunjung dapat melihat dengan jelas tentang lukisan yang terdapat pada dinding gua, serta tempat kajian terhadap tapak arkeologi yang sezaman dengan Lenggong. Pada masa yang sama, pengunjung boleh melihat dengan lebih dekat alat pengebumian pada zaman neolitik seperti tembikar, alat batu perhiasan diri, acuan, kapak



Hasil peninggalan sejarah dipamerkan di tingkat bawah.



Sebuah gua di Lenggong.

Di sini terdapat banyak artifak dan maklumat tentang zaman prasejarah terutama yang berkaitan dengan kawasan di sekitar Lenggong. Apabila melawat galeri utama, pengunjung dapat melihat dan membaca tentang pengenalan arkeologi, teknologi, paleolitik, Perak Man, Gua Gunung Runtuh, Gua Teluk Kelawar, Gua Harimau, lukisan yang terdapat pada gua, orang asli dan sebagainya.

gangsa dan banyak lagi barang-barang yang agak asing ditemui.

Jika diikutkan, muzium ini tidaklah ramai pengunjung tempatan yang hadir bagaikan ada pesta jualan. Akan tetapi, pada setiap hari ada sahaja tetamu yang hadir dan sesekali ada kelihatan pelancong asing begitu khusyuk membaca mengenai bahan sejarah yang dipamerkan bahkan turut membuat catatan. Memang, mereka sangat menghargai

sejarah yang wujud. Bagi yang berkeluarga, eloklah datang beramai-ramai. Maka dengan itu, kita seharusnya begitu berbangga dengan adanya sebuah muzium yang mengingatkan kita tentang sejarah. Pada masa yang sama kita mampu turut mempromosikan kepentingan dan keunikan warisan secara berterusan, seterusnya mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan pemeliharaan serta pemuliharaan



beberapa kali ada dalam kalangan ibu bapa memujuk anak yang menangis kerana tidak mahu masuk ke muzium tersebut. Mungkin kerana mereka takut melihat barang antik, lukisan, batu-batu serta tinggalan sejarah yang “kaku” dan sangat tidak menarik minat berbanding jika mengunjungi zoo atau taman permainan. Lebih-lebih lagi melihat rangka Perak Man yang ternyata dipandang dari sudut penuh “misteri”. Akan tetapi, inilah sebenarnya ilmu dan maklumat yang harus didedahkan kepada mereka sejak kecil lagi, seperti peribahasa melentur buluh biarlah daripada rebungunya.

Datanglah ke Muzium Arkeologi Lembah Lenggong dan rasailah sendiri pengalaman baharu serta lebih mendekatkan kita dengan budaya kehidupan suatu ketika dahulu. Fahamilah tentang Perak Man, agar kita lebih menghargai apa-apa yang dikatakan sebagai sejarah, kesenian dan kebudayaan masyarakat setempat. Muzium ini ternyata kaya dengan pelbagai sejarah yang tersendiri sekali gus mengangkat warisan Arkeologi Lembah Lenggong sebagai produk pelancongan warisan utama negara. Hasil sejarah ini harus dipelihara, agar tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas serta mampu diwarisi untuk tatapan generasi akan datang. **DB**



warisan kepada masyarakat umum.

Memang, kalau diikutkan kanak-kanak yang hadir ke sini menunjukkan suatu pandangan baharu dan amat membosankan. Ada yang menunjukkan keresahan sebaik-baik sahaja sampai. Bahkan

